



KENYATAAN AKHBAR OLEH DATO' PENGELOLA BIJAYA DIRAJA PEJABAT KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN TERENGGANU

PUTRAJAYA, 25 JULAI 2026 – Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu telah mengeluarkan kenyataan seperti berikut:

Menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Di-Pertuan bagi Negeri Terengganu Darul Iman, Alhamdulillah dengan izin dan rahmat Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua dan dengan berkat doa seluruh rakyat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kini berada dalam keadaan sihat walafiat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berada dalam keadaan yang baik dan akan meneruskan rawatan susulan sebagaimana dijadualkan oleh pasukan perubatan Baginda di luar negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan juga menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh rakyat yang sentiasa mendoakan kesihatan dan kesejahteraan Baginda.

Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala terus mengurniakan Kesihatan yang baik dan berpanjangan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan serta dipermudahkan segala urusan Baginda. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Sekian.

Yang menjunjung titah,

DATO' PENGELOLA BIJAYA DIRAJA

Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Sultan Terengganu

Bilik Berita

Bahagian Media dan Komunikasi Korporat

Jabatan Penerangan Malaysia

03-8911 7381/ 7382